



# KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR PEPERIKSAAN AKHIR

**NAMA KURSUS : SEJARAH SENIBINA 2**  
**KOD KURSUS : DSB2163**  
**PEPERIKSAAN : JUN 2024**  
**MASA : 2 JAM 30 MINIT**

## **ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian: **BAHAGIAN A (10 Markah)**  
**BAHAGIAN B (40 Markah)**  
**BAHAGIAN C (50 Markah)**
  2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
  3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperoleh untuk sesi peperiksaan ini:
    - i. Kertas Soalan
    - ii. Buku Jawapan

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**


KERTAS SOALAN INI MENGANDUNG 9 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN



**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **SEPULUH (10)** soalan.

Jawab semua soalan pada Buku Jawapan.



**Gambar rajah 1**

1. Berdasarkan gambar rajah 1, pilih ciri yang tepat tentang rumah tradisional Melayu berbumbung Perabung Limas.
  - A Banyak terdapat di negeri Perak.
  - B Banyak terdapat di negeri Johor.
  - C Rekaan mempunyai pengaruh Jawa dan Thailand.
  - D Rekaan mempunyai pengaruh Bugis dan Belanda.
  
2. Bagaimanakah faktor kedatangan Islam mempengaruhi reka bentuk rumah tradisional Melayu?
  - i. Rumah dibina menghadap arah kiblat
  - ii. Pembinaan rumah disusun mengikut bentuk grid
  - iii. Mewujudkan ruang yang memisahkan lelaki dan wanita
  - iv. Rumah-rumah dibina bergabung dengan alam sekeliling  
  - A i, ii
  - B i, ii, iii
  - C i, iii, iv
  - D ii, iii, iv

3. Ruang utama bagi sesebuah rumah tradisional Melayu dinamakan
- A Dapur.
  - B Selang.
  - C Serambi.
  - D Rumah ibu.
4. Manakah antara berikut adalah penggerak utama kepada Revolusi Industri pada kurun ke-19?
- A Keluli, tekstil, besi.
  - B Kuasa stim, genting, besi.
  - C Tekstil, kuasa stim, besi.
  - D Tekstil, arang batu, kuasa stim.
5. Apakah ciri-ciri seni bina gaya Art Nouveau?
- i. Tingkap memanjang (*ribbon windows*)
  - ii. Penggunaan hiasan yang panjang dan berliku serta garisan-garisan organik
  - iii. Muncul dan berkembang di seluruh Eropah dan Amerika pada tahun 1890 – 1910
  - iv. Penggunaan bahan binaan industri seperti konkrit digunakan secara besar-besaran pada struktur bangunan
- A i, ii
  - B ii, iii
  - C i, ii, iv
  - D ii, iii; iv
6. Apakah nama bangunan yang berstruktur besi tinggi yang tercipta hasil daripada peraduan reka bentuk pada tahun 1887?
- A Burj Khalifa.
  - B Eiffel Tower.
  - C Crystal Palace.
  - D Pompidou Centre.

7. Apakah kriteria seni bina *Late Modernism*?

- i. Konkrit tanpa lepa
- ii. Menonjolkan struktur dan bentuk melalui alang terdedah
- iii. Muncul dalam era kebangkitan selepas Perang Dunia Kedua
- iv. Penggunaan bahan binaan industri seperti konkrit yang digunakan secara besar-besaran pada struktur bangunan

**A** i, ii

**B** i, ii, iii

**C** i, ii, iv

**D** ii, iii, iv

8. Siapakah antara berikut ialah arkitek terkenal pada era *Late Modernism*?

**A** Le Corbusier.

**B** Kenzo Tange.

**C** Mies van der Rohe.

**D** Frank Lloyd Wright.

9. Bagaimanakah kuasa stim menyumbang kepada inovasi semasa Revolusi Industri?

i. Peluang pekerjaan bertambah

ii. Pendapatan rakyat meningkat

iii. Enjin stim telah di pertingkatkan pada 1780an untuk diaplikasi pada mesin-mesin yang lain

iv. Pembangunan pesat kilang-kilang semi-automatik yang menghasilkan produk harian secara besar-besaran

**A** i, ii

**B** iii, iv

**C** i, ii, iv

**D** ii, iii, iv

10. Pendekatan gaya rupa pada awal kemunculan seni bina moden di Malaysia adalah berorientasikan
- A Kolonial.
  - B Art Nouveau.
  - C Arts & Crafts.
  - D Neo-klasikal dan Art Deco.

**[10 MARKAH]**

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

- a. Nyatakan **empat (4)** komponen yang terdapat dalam sesebuah kampung Melayu tradisional.  
(4 markah)
  
- b. Berdasarkan **Jadual 1** di bawah, terangkan **tiga (3)** perbezaan kriteria dan fungsi bahagian utama rumah tradisional Melayu.

Bahagian	Kriteria	Fungsi
Serambi		
Rumah Ibu		
Dapur		

**Jadual 1**

(6 markah)

**SOALAN 2**

- a. Terangkan **dua (2)** kesan kebangkitan revolusi industri di Eropah yang membuka pasaran besar kepada bijih timah dan getah di Tanah Melayu.  
(4 markah)
  
- b. Salah satu bangunan terkemuka era seni bina Art Noveau adalah Casa Mila rekaan arkitek Antoni Gaudi (1859). Bincangkan **dua (2)** inspirasi Antoni Gaudi di dalam mereka bentuk bangunan tersebut. Anda boleh menggunakan lakaran untuk membantu penerangan.

Penerangan: 4 markah

Lakaran: 2 markah


(6 markah)

**SOALAN 3**

- a. Senaraikan empat (4) orang arkitek terkenal pada era seni bina *Post Modernism*.  
(4 markah)
- b. Huraikan tiga (3) ciri seni bina *Post Modernism*.  
(6 markah)

**SOALAN 4**

- a. Senaraikan empat (4) orang arkitek terkenal pada zaman seni bina moden di Malaysia.  
(4 markah)

**Gambar rajah 2**

- b. Gambar rajah 2 di atas adalah bangunan Mesiniaga rekaan arkitek terkenal pada zaman seni bina moden di Malaysia. Berikan pendapat anda tentang bagaimana reka bentuk bangunan tersebut memenuhi ciri-ciri reka bentuk klimatik. Anda boleh menggunakan lakaran untuk membantu penerangan.

Penerangan (4m)

Lakaran (2m)

(6 markah)

**[40 MARKAH]**

**BAHAGIAN C**

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan. Jawab **DUA (2)** soalan sahaja.

Tulis jawapan anda pada Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

- a. Nyatakan **empat (4)** buah bangunan yang direka oleh arkitek Mies van der Rohe.  
(4 markah)
  
- b. Terangkan **tiga (3)** falsafah seni bina yang diterapkan oleh Mies van der Rohe di dalam mereka bentuk bangunan.  
(6 markah)
  
- c. Mies van der Rohe telah mereka bentuk beberapa bangunan ternama pada era seni bina moden. Pilih salah satu bangunan rekaan beliau dan bincangkan **enam (6)** ciri seni bina bangunan tersebut. Buat lakaran bagi membantu penerangan anda.  
Penerangan (12m)  
Lakaran (3m)  
(15 markah)

**SOALAN 2**

- a. Nyatakan **empat (4)** buah bangunan yang direka oleh arkitek Le Corbusier.  
(4 markah)
  
- b. Terangkan **tiga (3)** falsafah seni bina yang diterapkan oleh Le Corbusier di dalam mereka bentuk bangunan.  
(6 markah)

- c. Le Corbusier telah memperkenalkan pendekatan seni bina Purist pada rekaan bangunan di awal kariernya. Bincangkan **empat (4)** ciri seni bina Purist pada satu contoh bangunan rekaan beliau dan sertakan juga lakaran bagi membantu penerangan anda.

Penerangan (12m)

Lakaran (3m)

(15 markah)

### SOALAN 3

- a. Nyatakan **empat (4)** buah bangunan yang direka oleh arkitek Frank Lloyd Wright.

(4 markah)

- b. Terangkan **tiga (3)** falsafah seni bina yang diterapkan oleh Frank Lloyd Wright di dalam mereka bentuk bangunan.

(6 markah)

- c. Frank Lloyd Wright mengetengahkan satu gaya yang diinspirasikan daripada landskap Amerika dikenali sebagai gaya Prairie. Berikan pendapat anda bagaimana **empat (4)** ciri pada reka bentuk Robie House mematuhi gaya tersebut. Buat lakaran untuk membantu penerangan anda.

Penerangan (12m)

Lakaran (3m)

(15 markah)

[50 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT



